

Prinsip pindaan Perlemba

Tiada tolak

27 JAN 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Umno tidak akan bertolak ansur dengan raja-raja Melayu dalam soal pindaan Perlembagaan bagi menghadkan kekebalan mereka mengikut undang-undang.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata raja tidak mempunyai kekebalan undang-undang untuk melakukan kesalahan, sama ada berbentuk sivil atau jenayah.

"Kita tidak boleh kompromi dalam perkara prinsip, iaitu tidak boleh ada keadaan raja boleh memukul dan terbabit dalam jenayah tanpa menghadapi sebarang bentuk hukuman," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini. Mesyuarat lebih tiga jam itu sebagai susulan terhadap pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen minggu lalu.

Dr Mahathir berkata, MT Umno mencapai persetujuan mutlak bahawa raja tidak mempunyai sebarang bentuk kekebalan iaitu hak untuk memukul, menipu dan tidak membayar hutang.

Menurut Perdana Menteri, apa yang berlaku selama ini ialah layanan terhadap raja-raja melebihi

peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.

"Kerajaan tidak lagi boleh memberi lebih daripada hak yang sepatutnya dinikmati oleh raja-raja. Bagaimanapun perkara yang menjadi hak mereka tidak akan ditarik balik," katanya.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir, raja tidak lagi boleh menikmati kemudahan tambahan selain gaji pokok seperti tanah, permit AP dan kawasan balak kerana ia di luar daripada keistimewaan raja-raja.

"Kerajaan berpegang kepada undang-undang dan tidak lebih daripada itu. Segala layanan di luar peruntukan undang-undang akan dilayan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan menarik balik kemudahan dan keistimewaan yang dinikmati oleh anak raja ketika belajar di seberang laut jika itu bukan hak mereka.

Menurutnya, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri sudah menguatkuasakan peraturan untuk menarik balik semua kemudahan dan keistimewaan yang tidak sepatutnya menjadi hak raja-raja.

Bagaimanapun, beliau menegaskan kerajaan ti-

dak berniat sama sekali untuk menghapuskan institusi raja, sebaliknya akan terus mempertahankan Raja Berperlembagaan.

"Kita berpegang kepada Perlembagaan dan mempertahankan kedudukan raja sebagai Raja Berperlembagaan. Kita tetap akan mengadakan hubungan dengan raja.

"Adalah tidak benar kerajaan mahu memutuskan hubungan dengan raja. Di mana perlu kita akan adakan hubungan," katanya.

Mengenai jumlah peruntukan yang dibelanjakan kerajaan dalam pengurusan keseluruhan istana, Dr Mahathir berkata kira-kira RM200 juta digunakan bagi pengurusan keseluruhan istana, pembangunan dan saraan kakitangan.

"Kadangkala ia mambatkan istana dan keadaan itu menyebabkan kos perbelanjaan istana meningkat," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang mengeluarkan senarai terhadap kesalahan pihak istana, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian walaupun sedar raja-raja melakukan pelbagai kesalahan, termasuk menyim-

LIHAT MUKA 2

ansur

gaan

PM jelaskan kedudukan ketika lawatan

DARI MUKA 1

pan harta di istana tertentu untuk mengelak daripada membayar cukai.

Sama ada beliau mahu menjelajah ke seluruh negara bagi menjelaskan pindaan Perlembagaan itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak bercadang berbuat demikian

SH 27 JAN 1993
tetapi akan mengambil kesempatan dalam lawatannya ke luar daerah untuk menerangkan perkara itu kepada rakyat.

Pada Jumaat ini saya akan balik ke kawasan saya di Kubang Pasu dan akan menerangkan perkara ini kepada penduduk

di sana," katanya.

Mengenai kes Tengku Majid, Dr Mahathir berkata kerajaan menghormati keputusan mahkamah itu.

Bagaimanapun, kerajaan tidak bersetuju anak raja menikmati sebarang bentuk kekebalan